

# 'Perubahan ada sebab'

Format baharu UPSR mampu lahir generasi berkualiti, tingkat potensi diri murid

**KAMPUNG BANDAR** - Format baharu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dilihat dapat melahirkan generasi yang matang dan berilmu.

Pengerusi Kelab Belia Wanita Muda Kuala Langat, Asuma Beevi Mohamed Sali berkata, ibu bapa dan guru diharapkan tidak memandang negatif terhadap perubahan itu.

"Saya anggap ia adalah sesuatu yang positif di mana hari ini kita hasilkan pelapis-pelapis yang lebih berkualiti berbanding sebelum ini. Potensi murid mampu ditingkatkan secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu.

"Dan saya rasa kemungkinan murid dan guru perlukan lebih masa untuk menyesuaikan diri dengan sistem baru ni di mana hanya 1.11 peratus calon berjaya mendapat semua A," katanya.

Menurutnya, unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi



Asuma (berdiri, dua kiri) bersama sebahagian murid SK Bandar yang menerima anugerah kecemerlangan.

(KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah satu persediaan yang baik bagi anak-anak menguasai kemahiran berfikir di luar kotak untuk menghadapi dunia pendidikan pada masa akan datang.

"Bagi saya perubahan yang berlaku sebenarnya ada sebab, guru-guru dan ibu bapa terutama perlu yakin dengan apa yang dirancang oleh pihak terlibat," katanya kepada pemberita pada Majlis Hari Anugerah

Kecemerlangan Kali ke-42 dan Korvokesyen Pra Sekolah 2016 di Dewan SK Bandar.

Asuma berkata, beliau mengucapkan tahniah kepada sekolah berkenaan kerana masih terdapat murid yang cemerlang walaupun seorang sahaja mendapat keputusan 5A 1B.

"Semua ibu bapa, guru-guru dan komuniti perlu sama-sama berusaha menaikkan imej SK Bandar ke peringkat lebih tinggi. Bukan saja dari segi akademik kerana apa yang saya tahu sekolah ni dah lakar kejayaan dari pelbagai aspek kurikulum dan kokurikulum.

"Contohnya dah masuk dalam senarai ke pertandingan akhir Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa). Saya harap mereka boleh menang sebab sudut informasi tentang dadah di sini agak unik dari sekolah-sekolah lain," katanya.

## Pesta Morib menanti pengunjung

**BANTING** - Dua program terbesar di Pantai Morib menanti pengunjung bermula hari ini hingga 27 November.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, Pesta Morib dan Karnival Udara Selangor 2016 itu bakal menarik ribuan pelancong luar untuk singgah ke Kuala Langat.

"Pesta Morib yang begitu sinonim di kalangan pengunjung suatu ketika dahulu akan menyajikan pertandingan tarik tali, pertunjukan wau, pertandingan gusti lengan, Battle of The Band dan banyak lagi.

"Buat kali pertama juga Pesta Morib turut disertakan dengan karnival udara di mana pertunjukan dron, paramotor, *giant kite*, *stunt kite*, paragliding, belon udara panas dan banyak lagi antara aktiviti yang akan dipertontonkan kepada pengunjung," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Sementara itu, mengulas mengenai pengajuran Juara International Paragliding Accuracy Championship 2016 (Jipac), Mohd Azhar berkata, ia akan diadakan di Bukit Jugra, Banting bermula hari ini hingga 27 November bermula jam 10 pagi hingga 6 petang.

Dianggarkan lebih daripada 40 peserta dari dalam dan luar negara akan menyertai kejohanan itu.

Info lanjut hubungi Jabatan Belia dan Kemasyarakatan MDKL di talian 03-31803140, katanya.

# JOM

SERTAI KEMPEN

# SKIM

# THOHIR

SKIM POTONGAN GAJI ZAKAT

## Syarat & cara penyertaan kempen

Sila layari [www.zakat.com.my](http://www.zakat.com.my)

atau

Hubungi TALIAN ZAKAT

# 1 300 88 5757

Tarikh tutup penyertaan : 31 Disember 2016

PUSAT PUNGUTAN ZAKAT

---

Hadiah Tajaan

## 1

### HADIAH TEMPAT

Pakej menunaikan Umrah bagi 2 orang

## 2

### HADIAH TEMPAT

Pakej percutian bernilai RM5,000

## 3

### HADIAH TEMPAT

Hadiah bernilai RM3,000

## 7

### HADIAH

Wang tunai bernilai RM300 seorang

[facebook.com/myzakat](https://www.facebook.com/myzakat)

TALIAN ZAKAT

# 1 300 88 5757